

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah
Jaya]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sejauh
mana penglibatan Kerajaan di dalam Persidangan Pertubuhan Bangsa-
Bangsa Bersatu mengenai perubahan iklim iaitu (COP26) dan apakah
agenda utama yang telah disediakan untuk dibawa ke persidangan
tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menjadi negara ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 13 Julai 1994. Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah meratifikasi Protokol Kyoto di bawah UNFCCC pada 4 September 2002 dan Pindaan Doha kepada Tempoh Komitmen Kedua Protokol Kyoto pada 12 April 2017. Selain itu juga, Malaysia juga telah meratifikasi Perjanjian Paris di bawah UNFCCC pada 16 November 2016.

2. Selaku negara ahli yang komited kepada UNFCCC, Malaysia melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku kementerian peneraju agenda perubahan iklim negara juga bertanggungjawab ke atas proses rundingan perubahan iklim antarabangsa di bawah konvensyen tersebut. Malaysia telah terlibat di dalam proses rundingan perubahan iklim di bawah UNFCCC sejak dari tahun 1994 sehingga kini. Sempena penganjuran persidangan Persidangan Ke-26 Negara Ahli kepada UNFCCC (UNFCCC COP-26), KASA akan mengetuai delegasi Malaysia ke persidangan tersebut yang akan berlangsung di bandaraya Glasgow, Scotland dari 31 Oktober hingga 12 November 2021.

3. Antara tumpuan utama persidangan UNFCCC COP-26 adalah bagi memuktamadkan isu-isu rundingan perubahan iklim khususnya bagi pelaksanaan Perjanjian Paris bagi tempoh pasca-2021 yang telah tertunggak sejak persidangan UNFCCC COP-25 di Madrid, Sepanyol pada tahun 2019. Antara isu rundingan UNFCCC COP-26 yang akan dirundingkan oleh delegasi Malaysia adalah mekanisme pasaran karbon dan kerangka ketelusan pelaporan perubahan iklim di bawah Perjanjian Paris, adaptasi perubahan iklim serta pembiayaan perubahan iklim. Delegasi Malaysia juga akan memuktamadkan pendirian negara ke atas isu-isu rundingan tersebut sebelum mengangkatnya untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.